

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[LIBARAN ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah strategik Malaysia dalam menyusun semula pendekatan ekonomi yang lebih berhemah dan menyesuaikan diri dengan ekonomi global yang perlahan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia tidak boleh elak daripada ketidaktentuan ekonomi global. Walau bagaimanapun, kedudukan ekonomi Malaysia kini adalah lebih baik dan jauh berbeza daripada ketika negara mengalami krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998. Asas ekonomi, sistem perbankan dan pasaran modal negara kini lebih berdaya tahan dan mampu untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi.

Bagi melindungi *real economy* (ekonomi benar) daripada kesan risiko ini dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan, Kerajaan telah mengumumkan langkah pro-aktif sebagai inisiatif awal jangka pendek dan jangka sederhana pada 14 September 2015 ke arah pengurusan ekonomi yang lebih berhemah dalam menghadapi suasana ekonomi global yang mencabar. Antara langkah yang diumumkan adalah menstabilkan pasaran kewangan, menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan integriti institusi bagi mengekalkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi negara.

Selain daripada langkah-langkah yang dinyatakan, strategi ekonomi makro jangka sederhana dan jangka panjang yang digariskan di bawah RMKe-11 akan menumpukan kepada usaha memperkukuhkan

asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan. Ini termasuk mempelbagaikan struktur ekonomi dan hasil negara, mempergiatkan pelaburan swasta, meningkatkan eksport, memastikan pengurusan fiskal yang berhemah dan menggalakkan peningkatan produktiviti dan inovasi serta memastikan kesejahteraan rakyat.

Sekian. Terima kasih.